

LATIHAN TATABAHASA PT3

Set 3

BAHAGIAN A

[25 markah]

1. Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu** kesalahan tatabahasa. **Gariskan** kesalahan bahasa tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) Ibu menghadihkan abang sebuah komputer riba sempena hari lahirnya semalam.

(ii) Aroma nasi lemak itu sungguh sedap kerana ia dibungkus dengan daun pisang.

(iii) Kelihatan seorang kanak sedang menangis di bawah pokok rambutan.

(iv) Jasa para perajurit yang mati di medan perang seharusnya disanjung oleh semua pihak.

[8 markah]

2. Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu** kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis ejaan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.


(i) Pasu bunga yang mahal itu dibeli oleh ibu dari negara Cina.

(ii) Kanak-kanak pra-sekolah itu berpeluang untuk menaiki kereta api percuma sejauh dua puluh lima kilometer.


(iii) Kueh koci itu sungguh lazat rasanya.

[3 markah]

4. Lihat gambar di bawah dengan teliti. Berdasarkan pasangan gambar tersebut, tulis **satu** peribahasa yang sesuai.



(i) _____



(ii) _____